AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

Penggunaan vaksin COVID-19 oleh umat Islam

Keputusan muzakarah hari ini

Penilaian ahli jawatankuasa, KKM diambil kira pastikan penawar tepati hukum syarak

Oleh Samadi Ahmad
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Jawatankuasa Muzakarah Khas Ke-10 Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Agama Islam Malaysia akan memutuskan hari ini mengenai penggunaan vaksin COVID-19 oleh umat Islam di Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al Bakri, berkata keputusan berkenaan akan dibuat selepas mendapat pandangan dan penilaian daripada ahli jawatankuasa muzakarah serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Katanya, anggota jawatankuasa muzakarah juga mendengar taklimat mengenai vaksin COVID-19 yang disampaikan Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, Dr Hishamshah Mohd Ibrahim.

"Kita akan mengambil semua pandangan daripada ahli jawatankuasa muzakarah dan Kementerian Kesihatan sebelum membuat keputusan.

"Kita akan menilai dari segi agama untuk membuat keputusan dan hujah mengenai keputusan berkenaan," katanya.

Zulkifli berkata demikian pada sidang media selepas majlis penyerahan surat pelantikan kepada 52 pegawai penyelidik Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, di sini semalam.

Yang turut hadir, Mufti Wilayah Persekutuan, Dr Luqman Abdullah dan Timbalannya, Jamali Mohd Adnan.

Beliau menjelaskan, keputusan muzakarah itu akan diserahkan kepada Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selaku ketua agama bagi Wilayah Persekutuan.

Bagi negeri lain, katanya, keputusan ditentukan oleh Sultan, Raja serta Yang di-Pertua Negeri masing-masing.

***Zulkifli menyampaikan surat pelantikan** pegawai penyelidik Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, di Putrajaya, semalam.* (Foto BERNAMA)

"Saya akur dan bersetuju dengan segala keputusan serta pandangan majlis muzakarah khas atas apa juga keputusan yang diambil.

"Ia bagi mengelak berlaku dua fatwa membabitkan umat Islam di negara ini," katanya.

Pada 27 November lalu, Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin memaklumkan, Malaysia memeterai dua perjanjian yang memberi jaminan untuk negara mendapatkan bekalan vaksin COVID-19 bagi menampung keperluan imunisasi 30 peratus rakyat.

Perjanjian dengan syarikat farmaseutikal berpangkalan di Amerika Syarikat, Pfizer Inc dimeterai 24 November lalu membabitkan bekalan 12.8 juta dos vaksin untuk 20 peratus atau 6.4 juta rakyat negara ini dengan penghantaran pertama pada suku pertama 2021.

Terdahulu pada 22 November, Malaysia juga menandatangani perjanjian dengan fasiliti pelan peruntukan vaksin COVID-19, Vaccine Global Access (COVAX) bagi mendapatkan bekalan vaksin untuk 10 peratus rakyat.

KKM bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) masih giat meneruskan rundingan dengan 10 daripada 12 syarikat pengeluar vaksin COVID-19 yang dalam ujian klinikal fasa tiga, termasuk dari China, Russia dan Amerika Syarikat.

Kelmarin, Timbalan Menteri Besar Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah dilaporkan berkata, kajian terperinci perlu dilakukan, selain merujuk Majlis Fatwa Kebangsaan bagi memastikan vaksin COVID-19 menepati syarak sebelum digunakan.

Menurutnya, perkara itu penting bagi mengelak berlaku sebarang polemik kerana sudah ada dalam kalangan masyarakat menolak terus vaksin berkenaan yang disifatkannya tidak tepat dari segi agama.

Mohd Amar menambah, penolakan terus vaksin tidak tepat dari segi agama kerana ia juga antara usaha untuk mencegah penyakit.